

KENYATAAN MEDIA
Untuk Edaran Segera

15 Oktober 2022

SPAN DAN IWK JALANKAN PENGOSONGAN TANGKI SEPTIK ATASI MASALAH PENCEMARAN SISA KUMBAHAN DI PULAU PERHENTIAN

PULAU PERHENTIAN: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bersama syarikat perkhidmatan pembetulan nasional, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), akan menjalankan pengosongan tangki septik di Pulau Perhentian bagi menangani masalah pencemaran yang berkemungkinan berpunca daripada sisa kumbahan di pulau peranginan tersebut.

Perkhidmatan pengosongan tangki septik di pulau itu akan membabitkan kos sebanyak RM3 juta bagi melakukan kerja-kerja nyahenap cemar bagi kira-kira 500 premis termasuk pejabat agensi kerajaan, *resort*, *chalet*, *café* dan *homestay* serta rumah-rumah kampung di sini.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), SPAN dan IWK telah mengambil langkah segera untuk mengatasi masalah sistem kumbahan di Pulau Perhentian. Tinjauan yang dijalankan SPAN dan IWK mendapati beberapa lokasi di Pulau Perhentian (Kecil dan Besar) telah dikategorikan sebagai risiko besar dengan pencemaran tertumpu di *Long Beach*.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Wilayah SPAN, Ir. Mohd Jalaludin Sulaiman, persampelan telah dibuat ke atas sumber bekalan air yang dari operator bekalan air serta air telaga. Hasil persampelan mendapati terdapat bakteria *Escherichia Coli* atau lebih dikenali dengan E-Coli yang dikesan daripada sampel air telaga yang digunakan oleh peniaga-peniaga makanan di sepanjang pantai.

“Tinjauan kami bersama IWK mendapati premis-premis yang menggunakan tangki septik, yang terdapat di Pulau Perhentian Besar dan Kecil tidak pernah melakukan sebarang pengosongan tangki septik, atau rawatan kepada sisa kumbahan sebelum dilepaskan ke pantai,” katanya dalam satu sesi libat urus bersama penduduk kampung dan pengusaha chalet dan resort di pulau peranginan berkenaan, hari ini.

Menurut Ir Mohd Jalaludin, sisa kumbahan hendaklah dilupuskan dengan cara yang selamat supaya dapat mengelak berlakunya penyebaran penyakit bawaan air yang amat berbahaya kepada manusia.

Menyedari risiko pencemaran sumber air yang berpunca daripada tangki septik, Kerajaan telah mewartakan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) pada tahun lepas bagi mewajibkan penyelenggaraan dan pengosongan tangki septik secara berkala kepada semua pemilik atau pengguna tangki septik.

Warta Kerajaan Persekutuan ini telah berkuatkuasa Mac 2021 dan menetapkan bahawa pemilik atau penghuni mestilah bertanggungjawab memastikan tangki septik mereka berada dalam keadaan baik. Melalui warta ini, IWK sebagai syarikat pembedungan nasional akan mengembangkan perkhidmatan ke Pulau Perhentian untuk menguruskan penjadualan nyahenap cemar ke atas premis-premis yang menggunakan tangki septik individu dengan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pengguna.

“Kos bagi menjalankan kerja-kerja nyahenap cemar di pulau-pulau kecil seperti di sini adalah besar kerana kedudukan pulau yang tidak mempunyai kemudahan moden bagi merawat enap cemar.

“Dengan persetujuan KASA, kos bagi membiayai perkhidmatan nyahenap cemar secara *“one-off”* ini akan ditanggung Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan khas. Namun, selepas ini, ianya akan menjadi tanggungjawab pemilik tangki septik, sebagaimana pemilik tangki septik di tempat lain, untuk membiayai kos perkhidmatan ini seperti mana pembayaran bil utiliti yang lain,” tambah Ir. Mohd Jalaludin.

Menurut Ketua Unit Perniagaan Nyahenap Cemar IWK, Pauzi Mohamed, sebagai syarikat pembedungan nasional, IWK akan menjadual dan melaksanakan perkhidmatan pengosongan tangki septik secara berkala di pulau ini mulai suku pertama tahun 2023 setelah menyiapkan kemudahan rawatan enap cemar.

Malah, katanya, IWK juga akan membina tapak pelupusan yang sesuai, sementara menunggu pembinaan Loji Rawatan Kumbahan berpusat atau kemudahan rawatan enap cemar tersedia.

“Sebenarnya, bukan mudah untuk melaksanakan kerja-kerja nyahenap cemar di pulau, kerana penggunaan baj, bot dan kenderaan kecil khas nyahenap cemar yang perlu direka untuk disesuaikan dengan demografi di pulau tersebut yang mana akan memakan kos yang tinggi. Namun IWK tetap komited untuk melaksanakan perkhidmatan ini demi membantu memastikan pencemaran tidak terus berlaku,” tambahnya.

Menurut Pauzi, dalam menghadapi musim tengkujuh ini, IWK menjangkakan kerja-kerja nyahenap cemar akan mula dijalankan selama dua hingga tiga bulan, mulai hujung Februari 2023. Ini bagi memastikan kenderaan khas dan tapak pelupusan siap dibina sebelum kerja-kerja pengosongan tangki dimulakan. Adalah diharapkan semua pemilik tangki septik mengambil peluang dan memberi kerjasama bagi membolehkan tangki septik dinyahenap cemar seperti yang disasarkan.

Berdasarkan “Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021” di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, semua pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis yang bersambung dengan tangki septik atau mempunyai tangki septik perlu melakukan nyahenap cemar secara berjadual.

Tangki septik yang terletak di dalam sempadan mana-mana pihak berkuasa tempatan perlu dilakukan sekali dalam setiap 2 tahun dan, sekali dalam setiap 3 tahun bagi tangki septik yang terletak di luar sempadan mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Menurut SPAN, kegagalan mematuhi peraturan ini merupakan satu kesalahan di bawah subseksyen 65(3) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM50,000.

- Tamat

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

SPAN

Mohd Fazil Ismail
Pengarah Unit Komunikasi Korporat &
Hal Ehwal Pengguna
019-3336405
fazil@span.gov.my

IWK

Wan Esuriyanti Wan Ahmad
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
012-271 8095
esuriyanti@iwk.com.my

Mengenai SPAN:

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air (AIPA) 2006 (Akta 655) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari, 2008.

SPAN adalah sebuah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

SPAN mengawal selia semua entiti dalam industri bekalan air dan pembedungan termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembedungan awam dan persendirian, kontraktor bekalan air dan pembedungan, pemegang permit dan kelulusan produk bagi bekalan air dan pembedungan.

Mengenai IWK:

Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd ialah sebuah syarikat perkhidmatan pembedungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembedungan untuk 27 juta pengguna. Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan 7,111 buah loji olahan awam, 20,397 km panjang rangkaian paip pembedungan bawah tanah. IWK mempunyai keupayaan modal insan dalam pelbagai bidang kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK adalah seperti perancangan dan kejuruteraan rawatan air sisa, perakuan pembangunan sistem pembedungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran EIA, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolehgunaan HAZOP, khidmat runding pengurusan projek serta program kesedaran dan pendidikan awam. IWK telah menerima Anugerah Pencapaian Industri Air (Anugerah Loji Rawatan Air Sisa Terbaik) dari Persatuan Air Malaysia pada tahun 2016, memacu untuk mencapai visi kami sebagai syarikat pembedungan utama di Asia. Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.iwk.com.my